

# Masih diingati pesakit lama

BH-24/3/2007.

Dr Abdul Majid anak tempatan pertama jadi pakar bedah orthopaedik

Oleh Sazarina Shahrim

**N**AMA Tan Sri Dr Abdul Majid Ismail atau Coco bukan asing alam dunia perubatan. Beliau adalah anak tempatan pertama menjadi pakar bedah orthopaedik. Beliau juga Ketua Pengarah Kesihatan kedua di kalangan anak tempatan, selepas Tan Sri Dr Din Mohammad.

Walaupun sudah lama meninggalkan bidang perubatan dan kerajaan, jasa Dr Abdul Majid masih terus dikenang oleh pesakitnya. Ketika ditemubual, tiba-tiba seorang lelaki Cina datang menghampiri meja kami dan memperkenalkan dirinya sebagai Billy Tan.

"Doktor pernah merawat kaki saya 40 tahun lalu. Mungkin doktor sudah lupa, tapi saya ingat lagi doktor," kata Billy.

Sebelum itu, di lobi Kelab Di Raja Selangor ketika penulis memperkenalkan diri, seorang wanita tua berketurunan Cina menegur Dr Abdul Majid untuk mengucapkan terima kasih, kerana pernah merawat suaminya sebelum ini.

Layanan Dr Abdul Majid kepada 'dua tetamu' itu jelas terpancar bagaimana mesranya beliau dengan pesakitnya.

"Selalu juga orang datang kepada saya mengucapkan terima kasih, kerana pernah merawat diri mereka atau keluarga terdekat. Sudah menjadi tanggungjawab saya sebagai doktor untuk memberi rawatan terbaik kepada orang ramai," kata Dr Abdul Majid.

Tidak hairanlah, rakan baiknya, Jimmy Chow yang dikenali lebih 30 tahun lalu, memuji Dr Abdul Majid sebagai seorang yang sangat baik hati dan merendah diri.

"Siapa tidak kenal Coco Majid? Sangat berkarisma dan doktor yang berdedikasi terhadap kerjanya," kata Jimmy yang kebetulan berada di situ menikmati minum petang.

Usia Dr Abdul Majid kini mencecah 85 tahun, namun bapa kepada tiga anak ini masih kelihatan cergas secara fizikal dan mental.

Rahsiannya? "Tiada rahsia, mungkin baka saya macam ini dan sudah tentu pemakanan saya jaga dan selalu bersenam," katanya yang kini mengusahakan beberapa perniagaan, termasuk memiliki Selesa Home Resort di Bukit Tinggi.

Datuk kepada 10 cucu itu tidak pernah menjadikan umur sebagai halangan melakukan sesuatu dan atas sebab itulah, Dr Abdul Majid masih duduk di pejabat menyiapkan kerja hampir setiap hari. "Tidak boleh duduk saja di rumah. Saya perlu bekerja, sudah biasa tidak boleh duduk diam," katanya.

Ingatannya juga cukup tajam. Peristiwa yang sudah hampir sea-



**PROFIL**

**Dr Abdul Majid**

**Nama:** Tan Sri Dr Abdul Majid Ismail  
**Gelaran:** Coco Majid  
**Tarikh lahir:** 15 November 1921  
**Tempat lahir:** Kampung Baru, Kuala Lumpur.  
**Isteri:** Puan Sri Khairany Mahyuddin  
**Anak:** Dr Al Jafri, Dr Elisha Ellina  
**Jawatan dulu:** Bekas Ketua Pengarah Kesihatan (1971-1976)  
**Jawatan sekarang:** Pengerusi Selesa Health Farm & Golf Resort  
**Pendidikan:** 1931: Sekolah Melayu Segambut 1934: Sekolah Maxwell, Sekolah Jalan Batu 1936: Sekolah Victoria Institution 1940: King Edward VIII College of Medicine, Singapura (berhenti sementara kerana Perang Dunia Kedua) 1946-1949: Menyambung pengajian di King Edward VIII College 1955: Felo Royal College of Surgeons, Edinburgh, Scotland. 1957: Sarjana dalam pembedahan Orthopaedik, University of Liverpool 1963: Rakyat Malaysia pertama mendapat Eisenhower Fellowship Exchange, Amerika Syarikat.

Institution sehinggalah melanjutkan pengajian di King Edward VIII College Of Medicine.

Berikutan prestasi memberangsangkan, Dr Abdul Majid dianugerahkan Queens Scholarship untuk meneruskan pengajian sebagai pakar bedah orthopaedik di The Royal College of Surgeon, Edinburgh, Scotland.

Beliau juga seorang yang aktif berpersatuan, termasuk pengakap dan pernah menjadi Presiden Kelab Taman Perdana DiRaja Kuala Lumpur (Royal Lake Club) yang sebelum ini diterajui oleh Perdana Menteri Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Bercerita mengenai perantikkannya sebagai Ketua Pengarah Kesihatan pada 1971, Dr Abdul Majid berkata, ia adalah atas permintaan Tun Abdul Razak selepas calon utama, Datuk Ungku Omar meninggal dunia kerana sakit jantung.

Beliau mengenali Perdana Menteri Kedua Malaysia itu ketika sama menuntut di Singapura.

"Coco aku mahu kau naik jadi Ketua Pengarah Kesihatan," kata Razak kepadanya secara peribadi.

Walaupun sukar untuk menyatakan tidak, Dr Abdul Majid cuba menolak dengan menjawab "Selama ini, saya tahu pegang pisau, saya tidak tahu pegang pen".

Akhirnya atas kepercayaan Perdana Menteri sendiri, beliau menerima tawaran itu dan dilantik sebagai Timbalan kepada Ketua Pengarah, Tan Sri Dr Din Mohamad selama dua tahun, sebagai tempoh pembelajaran.

Sejurus menjadi Ketua Pengarah, Tun Abdul Razak mengarahkannya supaya memfokuskan kepada kesihatan penduduk luar bandar yang sangat memerlukan.

bad berlalu, masih diingati dengan cukup jelas. Gelaran setiap 'tuan' yang pernah memberinya upah 10 sen ketika menjadi kedi di Padang Golf Sentul ketika berusia 10 tahun, masih diingatnya seperti Tuan Tujuh Lapan mengikut nombor plat kereta SL 78, tuan dengan leher besar di beri gelaran Tuan Leher Gemuk dan Tuan Bini Cantik serta Tuan Bini Gemuk.

"Syukur saya dikurniakan ingatan yang cukup kuat. Masa di sekolah juga, saya tidak perlu mengulangkaji pelajaran... cukup sekadar membaca dan saya akan cepat ingat," kata Dr Majid.

Dilahirkan di Kampung Baru, Kuala Lumpur beliau membesar dibelenggu kemiskinan, apatah lagi dirinya adalah anak sulung daripada 12 adik beradik.

Bapanya, Ismail Naemat yang bekerja di bengkel kereta api, hanya memperoleh gaji RM30 sebulan, tidak cukup menampung perbelanjaan seisi rumah. Jadi, Dr Abdul Majid mencari kerja sambilan selepas sekolah seperti menjadi kedi seawal usia 10 tahun.

Dalam usia itu juga, beliau mahir memasak membantu ibunya, Enjah Arif yang terpaksa menjaga 11 lagi adiknya yang lain.

Namun begitu, seperti kanak-kanak lain, Dr Abdul Majid juga dikategorikan budak nakal. Beliau pernah hampir lemas ketika mandi di sebuah lombong lama selepas sekolah, tanpa diketahui kedua ibu bapanya.

"Masa itu tidak tahu berenang, tetapi mahu juga mandi di lombong. Nasib baik, rakan masa itu cepat

**"Syukur saya dikurniakan ingatan yang cukup kuat. Masa di sekolah juga saya tidak perlu mengulangkaji pelajaran... cukup sekadar membaca dan saya akan cepat ingat"**

**Dr Abdul Majid Ismail**  
Bekas Ketua Pengarah Kesihatan

menarik tangan saya.

"Nya (panggilan untuk ibu) lebih garang daripada bapa saya. Silap sikit, pastinya saya dimarahi. Mungkin kerana saya paling sulung dan mereka tidak mahu saya menjadi contoh yang tidak baik kepada adik yang lain," katanya.

Dr Abdul Majid berkata, disiplin tinggi yang diterapkan kedua-dua ibu bapanya menjadi penentu kejayaan beliau dalam bidang pelajaran.

Jadi tidak hairanlah, beliau sentiasa mendapat tempat pertama dan dianugerahkan basisiswa Selangor atas kecemerlangannya untuk melanjutkan pelajaran di sekolah Inggeris.

Kejayaannya itu diteruskan ketika di Sekolah Maxwell, Sekolah Jalan Batu dan Sekolah Victoria

"Dia arahkan saya supaya jangan bina hospital di bandar. Saya faham maksudnya, justeru, saya banyak menekankan pembinaan kemudahan kesihatan di daerah-daerah," katanya.

Fokus utamanya ketika itu mengurangkan jumlah kematian sewaktu kelahiran yang pada masa itu berada pada tahap tinggi iaitu 80 kematian daripada 1,000 kelahiran.

Beliau turut memperkenalkan Program Kawalan Polio selepas melihat penyakit itu menjadi ancaman utama rakyat negara ini. Hasilnya, polio bukan lagi menjadi ancaman orang ramai.

"Saya puas hati dengan apa yang sudah saya lakukan dalam hidup. Apa yang saya mahukan selepas ini hanyalah ingin melihat cucu saya," katanya.



SANTAI: Dr Abdul Majid (kanan) menikmati minum petang bersama rakannya.

## Pernah dikejar kerana mahu curi buah nangka

**K**ETIKA berusia sembilan tahun, Tan Sri Dr Abdul Majid Ismail pernah disuruh mandi bawah kangkang anak dara untuk menghilangkan sakit mata.

"Saya masih ingat lagi apabila saya disuruh letakkan muka di bawah kangkang Muna, jirannya yang juga cucu kepada Nek Asiah - nenek Muna yang memberitahu ibunya mengenai petua orang tua untuk hilangkan sakit mata.

Secara kebetulan atau petua itu benar, tiada siapa tahu, tetapi apa yang pasti tidak berapa lama kemudian, sakit mata Dr Abdul Majid terus hilang.

Ironinya, selepas 25 tahun, bekas Ketua Pengarah Kesihatan itu diiktiraf sebagai seorang doktor yang memberi perkhidmatan perubatan berpandukan kepada fakta dan bukti saintifik.

"Saya pun tidak tahu betul atau

tidak petua itu, kerana tidak mengkajinya tetapi memang sakit mata saya hilang selepas itu," katanya ketawa.

Ketika di asrama di Kampung Baru, beliau adalah seorang 'pakar memanjat pokok', tiada pokok di sekitar Jalan Raja Muda Abdul Aziz dan Jalan Raja Abdullah yang tidak pernah dipanjatnya.

Beliau juga pernah dikejar pengetua asrama pada suatu malam kerana mahu mencuri buah nangka yang sedang masak di belakang dapur pengetua.

Dengan hanya berseluar pendek bersama rakannya, Badri yang bersarung, mereka berlari lintang pukang sehingga ke Jalan Batu.

Majid yang menjadi pakar bedah Orthopaedik selepas itu tidak menafikan dirinya sangat bertuah kerana dapat melihat beberapa era kejayaan bangsa Malaysia dalam

pelbagai bidang, daripada penjajahan Inggeris sehingga memasuki negara maju dan moden seperti sekarang.

Beliau juga dapat melihat perjalanan suka duka keperitan orang Melayu memperjuangkan kemerdekaan negara sejak pertengahan 1950-an.

"Saya dapat lalui pengalaman penjajahan Inggeris, pendudukan Jepun, kembali semua Inggeris menjajah, kemerdekaan dan sehingga hari ini saya dapat melihat bagaimana berubahnya Malaysia," katanya.

Justeru, pengalaman luasnya diabadikan dalam buku berjudul 'An Old Man Remembers-The Memoirs Of Tan Sri Dr Abdul Majid Ismail' tahun lalu.

Buku setebal 396 muka surat itu boleh menceritakan perjalanan hidupnya sejak kecil dan kejayaan yang dikecapi hingga sehingga kini.